

Kualiti Pendidikan Di Ipt: Pendekatan Spiritual Dalam Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE)

Nor Aishah Abdul Aziz^{1*}, Mohd Zolkifli Abd Hamid², Ismail Saliyan³, Nurul Izzati Mohd Fuad⁴

¹Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)

²Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

³Institut Pendidikan Guru Malaysia (Kampus Temenggong Ibrahim)

⁴Kolej Teknologi Darul Naim

*Corresponding author : aishah.abdulaziz94@gmail.com

Abstrak

Manusia dan pendidikan ialah isu yang penting dalam merencana pembangunan serta kemajuan sesebuah Negara. Kegagalan memahami isu ini akan mengundang kegagalan dalam menguruskan rupa corak kemajuan dan ketamadunan pada masa hadapan. Dunia pendidikan Negara adalah dalam proses ke arah pendidikan bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Pendekatan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) adalah salah satu kaedah popular dan berkesan dalam melahirkan pendidikan bertaraf dunia di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dalam masa yang sama, cabaran krisis nilai dalam kalangan pelajar IPT masih menjadi antara masalah utama yang perlu diberi perhatian serius, selaras dengan kecemerlangan pendidikan. Kepincangan dalam pembangunan potensi spiritual dan emosi pelajar menyedarkan kita implimentasi sistem pendidikan yang bertujuan membangunkan manusia secara menyeluruh kurang difahami. Selanjutnya, teori-teori pembelajaran masih berfokus kepada tiga domain utama dalam pembangunan manusia iaitu kognitif, afektif dan psikomotor, sementara domain spiritual diabaikan. IPT merupakan antara 'kilang' mencetak rupabentuk masyarakat yang kita hajati. Jika berkesan pendekatan pendidikannya, akan lahirlah kualiti pemimpin dan peneraju masyarakat yang cemerlang di masa hadapan begitu juga sebaliknya. Artikel ini akan mengenengahkan garispanduan meningkatkan kualiti pendidikan IPT di masa hadapan melalui model-model pembangunan manusia di Malaysia yang boleh diterapkan ke dalam Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). Adalah diharapkan perbincangan dalam artikel ini akan dapat dimanfaatkan oleh para pendidik IPT khususnya dan pendidik Malaysia amnya.

Kata kunci: spiritual, Pendidikan Berasaskan Hasil, Kualiti, IPT, model pembangunan manusia

PENGENALAN

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah masyarakat. Sehubungan dengan itu, pendidikan memerlukan suatu mekanisme yang berkesan bagi menjamin penyampaian serta perpindahan ilmu berlaku secara maksimum selaras dengan pembentukan insan yang kamil dan syamil. Pengajaran yang berkesan akan berlaku sekiranya pendidik dan pelajar mendapati sesuatu yang berkesan telah wujud dalam hati mereka. Hal yang demikian membolehkan mereka saling memahami, hormat-menghormati dan bekerja sama di antara satu sama lain. (Tunku Sarah, 2009)

MASALAH SOSIAL DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

Menurut Kamal Hassan (1988), masalah keruntuhan akhlak berpunca daripada minda manusia yang terlupa akan tujuan sebenar dia dicipta ke alam ini sebagai khalifah Allah SWT. Oleh itu manusia cenderung mengamalkan sebarang nilai yang difikirkan baik untuk dirinya walaupun bertentangan dengan nilai agama serta norma hidup masyarakat. Tambah beliau, apa yang lebih membimbangkan adalah kesan yang diberikan oleh mereka kepada masyarakat contohnya, gejala penagihan dan pengedaran dadah, pergaulan bebas.

Seterusnya beliau menyatakan, pendidikan moden yang bersifat liberal dan sekular tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada aspek pembentukan akhlak dan rohani yang sihat. Natijahnya adalah kewujudan generasi yang mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu keduniaan tetapi kurang menghargai akhlak dan agama dalam profesion dan kehidupan mereka.

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Zainuddin, Zuria dan Salleh (2008), masalah pergaulan bebas yang melibatkan pelajar IPT sering dipaparkan melalui media tempatan (Berita Harian 18 Ogos 2003; Utusan Malaysia 3 Jun 2002; Utusan Malaysia 18 Januari 2003). Laporan media mengenai peningkatan masalah sosial pelajar IPT seperti kes khalwat sedikit sebanyak memberi gambaran buruk kepada institusi berkenaan. Berita Harian (18 Ogos 2003) telah melaporkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menangkap pelajar-pelajar IPT seramai 341 orang sepanjang 2002 dan 178 orang sepanjang 2003 kerana kesalahan perbuatan tidak bermoral. Kesalahan-kesalahan ini termasuklah berkhawat dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam. Pelajar-pelajar yang terlibat ialah dari beberapa institut pengajian tinggi awam dan swasta serta politeknik.

Masalah sosial pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berkaitan dengan khalwat dan perlakuan tidak sopan di tempat awam merupakan masalah yang dihadapi oleh semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara. Walaupun bilangan pelajar yang terlibat kecil sekiranya dinisbahkan kepada populasi keseluruhan pelajar di sesebuah IPTA, ternyata masalah ini berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Berita-

berita ini memberikan satu gambaran yang buruk terhadap institusi pengajian tinggi di mana mahasiswa sepatutnya menjadi populasi teladan kepada golongan muda di negara ini. Tegasnya suatu pendekatan yang lebih berkesan perlu diambil bagi membendung masalah serius ini agar modal insan yang berharga di IPT dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk membentuk masyarakat yang berakhlak dan bertamadun selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL (OBE)

Keprihatinan terhadap sistem pendidikan sedia ada yang tidak mencukupi untuk menyediakan pelajar terhadap kehidupan dan pekerjaan dalam abad ke 21 telah menyedarkan banyak pihak untuk meneroka kaedah-kaedah baru mereka bentuk kurikulum pendidikan. Di kebanyakan negara di Eropah, pendidikan dan pembuat polisi merancang mengubah cara mengukur keberkesanan pendidikan seperti kredit kursus dan jumlah jam yang digunakan di dalam kelas untuk menghasilkan output yang lebih berkualiti.

Penukaran kepada kaedah pendidikan berasaskan hasil adalah selari dengan pergerakan kualiti dalam dunia perniagaan dan pembuatan. Ia mencerminkan satu kepercayaan iaitu cara terbaik untuk individu dan organisasi untuk menentukan di mana mereka dan ke mana mereka mahu berada, kemudian merancang ke belakang untuk menentukan cara terbaik untuk sampai ke destinasi tersebut.

Pendidikan Berasaskan Hasil merupakan salah satu kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang sangat popular di peringkat Institusi Pengajian di Malaysia mutakhir ini. Menurut Mohamed Natzri (2013), OBE memusatkan kepada pembelajaran iaitu satu sistem berorientasikan output berasaskan kepercayaan semua individu boleh belajar. Ianya juga adalah satu kaedah reka bentuk kurikulum dan pengajaran yang memfokuskan tentang apayang pelajar boleh buat setelah mereka diajar. Sehubungan dengan itu soalan-soalan ini perlu ditanya:

1. Apa yang anda mahu pelajar belajar?
2. Mengapa anda mahu mereka mempelajarinya?
3. Bagaimana cara terbaik anda boleh membantu pelajar untuk mempelajarinya?
4. Bagaimana anda tahu mereka telah mempelajari apa yang diajar?

Secara ringkasnya, proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) bukanlah menumpukan kepada pengajaran tetapi lebih kepada apa yang pelajar pelajari. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara Pendidikan Tradisional dan Pendidikan Berasaskan Hasil.

Pendekatan OBE memberi ruang yang lebih besar kepada pendidik untuk berkarya dalam dunia pendidikan kerana ianya berasaskan kepada Pembelajaran Aktif untuk manfaat pencapaian pelajar daripada aspek JERIS (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosial). Selanjutnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan tetap relevan serta menjadi asas dalam konteks pendekatan OBE.

Jadual 1 Perbezaan antara Pendidikan Tradisional dan Pendidikan Berasaskan Hasil

PENDIDIKAN TRADISIONAL	PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL
Sistem Pembelajaran Berasaskan Isikandungan	Sistem Pembelajaran Berasaskan Hasil
Pelajar pasif	Pelajar aktif
Proses penilaian-peperiksaan dan gred	Penilaian berterusan
Rote learning	Pemikiran kritis, refleksi, tindakan, analisa
Berasaskan isikandungan/pecahan topik-topik	Integrasi pengetahuan, pembelajaran yang relevan, menghubungkan dengan situasi kehidupan sebenar
Buku teks, buku kerja, berpusatkan pengajar	Pemusatan pelajar, pengajar menggunakan kumpulan/pasukan kerjasama
Silibus tidak fleksibel	Program pembelajaran sebagai panduan kepada pengajar untuk kreatif dan inovatif
Pengajar bertanggungjawab dalam pembelajaran	Pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran, dimotivasi oleh maklumbalas
Berpusatkan apa pengajar perlu capai	Berpusatkan apa yang pelajar faham dan boleh buat
Tempoh masa terhad	Tempoh masa fleksibel

Menurut Hasan (1997), kreativiti sangat penting bagi kelangsungan hidup peradaban manusia. Malah Toynbee menganggap kelangsungan suatu peradaban adalah wujudnya suatu golongan minoriti kreatif dalam kalangan anggota-anggotanya namun tidak pernah berusaha memberi definisi operasional tentang kreativiti berkenaan.

Mengambil kira pernyataan berkenaan kreativiti tersebut, OBE dilihat sebagai suatu pelaksanaan dalam dunia pendidikan yang boleh membentuk masyarakat intelektual yang kreatif serta boleh berfungsi dalam pembentukan masyarakat yang seimbang kehidupannya dalam aspek JERIS. Seterusnya menurut Faure, *et al* (1978), pendidikan mempunyai dua kuasa iaitu menghidupkan dan mematikan kreativiti. Ianya bergantung kepada sejauh mana pendidik boleh memanfaatkan suasana dalaman dan luaran daripada situasi pembelajaran itu sendiri untuk membentuk pelajar yang kreatif dan boleh menyumbang semula kepada masyarakat melalui keintelektualan mereka.

Pendekatan OBE di Malaysia telah menjadi suatu kewajipan untuk dilaksanakan oleh IPTA dan IPTS apabila sesuatu program ingin dilaksanakan di institusi pendidikan tersebut seperti yang dikehendaki oleh Agensi Pengiktirafan Malaysia (MQA). Pengawasan kualiti ini amat perlu dilaksanakan bagi memastikan IPTA/IPTS benar-benar membekalkan para pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi dunia pekerjaan dan masyarakat.

Menurut Mak Soon Sang (2010), potensi manusia merupakan aspek penting dalam bidang pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu:

“.....memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan...”

Seterusnya beliau menambah potensi manusia yang terpendam boleh dicungkil dan menjadi kebolehan nyata sekiranya menerima rangsangan dan motivasi yang sesuai. Oleh itu aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran haruslah dirancang selari dengan usaha mengoptimalkan potensi pelajar.

PRINSIP ASAS PENGAJARAN BERKESAN

Pendekatan dalam bidang pendidikan ialah cara mendekati sesuatu dengan merujuk kepada bagaimana cara sesuatu mata pelajaran diajar berdasarkan objektifnya. Ramai pendidik/guru yang berpengalaman menganggap konsep pendekatan, strategi, kaedah serta teknik pengajaran amat sukar dibeza-bezakan. Terdapat ramai pendidik yang menganggap semua istilah tersebut adalah sama dengan cara pengajaran sahaja. (Bahroini dan Aminuddin, 2012)

Menurut Kamarul Azmi, Osmawadi, Mohd Faez (2011), terdapat beberapa prinsip asas pengajaran berkesan dalam mana-mana peringkat pendidikan berpusatkan pelajar iaitu:

1. Menggalakkan hubungan pelajar dengan guru- bertujuan mengekalkan aspek motivasi pelajar
2. Menggalakkan kerjasama antara pelajar- aktiviti dilakukan secara berkumpulan untuk membentuk kemahiran tertentu
3. Menggalakkan pembelajaran aktif-melibatkan diri dalam memberi ide serta pendapat, berdebat, berbincang
4. Memberikan maklum balas yang cepat - dalam bentuk pertanyaan, perbincangan, projek, tugasan
5. Menitikberatkan masa bertugas- pendidik memberi tumpuan kepada pelaksanaan aktiviti pembelajaran terhadap pelajar
6. Berkomunikasi dengan pelajar-sikap keterbukaan pendidik terhadap respon dan pertanyaan pelajar
7. Menghormati pelbagai bakat dan cara pembelajaran-meraikan potensi pelajar serta membimbing mereka

PELAJAR BERBEZA TAHAP KEFAHAMAN

Menurut Kamarul Azmi, Osmawadi, Mohd Faez (2011), perbezaan pelajar ialah satu konsep kepada keunikan dan ketidaksamaan dalam kalangan pelajar dari segi sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku sosial, bakat dan lain-lain aspek. Tambah beliau pada masa kini ramai pelajar yang mempunyai perbezaan budaya, emosi dan juga fizikal. Dalam OBE, pendidik perlu mengambil kira semua aspek penting ini yang wujud dalam kalangan pelajar.

Pendidik harus menyesuaikan tugas-tugas yang diberikan, menjaga agar tidak menyinggung budaya yang diamalkan pelajar, menguruskan emosi pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang pelbagai serta mengambil kira pelajar-pelajar lelaki yang lebih agresif berbanding pelajar wanita. Pembelajaran menjadi bertambah menarik jika pendidik dapat mengintegrasikan kepelbagaian ini dalam memberikan tugas yang sesuai kepada para pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran.

KONSEP PENERAPAN NILAI DALAM PEMBELAJARAN

Dalam meletakkan aspek pendidikan sebagai antara teras kehidupan yang mulia, pendidikan menerapkan nilai ke dalam proses pembelajaran pelajar adalah suatu harga atau keunggulan ideal yang penting dimiliki oleh seseorang manusia. Nilai seperti juga sikap diperolehi melalui pembelajaran dan bukannya lahir secara semula jadi. (Kamarudin, 2010) Nilai biasanya dapat diukur tetapi tidaklah semudah yang dilakukan terhadap ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Menurut Tunku Sarah (2009), faktor ketaatan dan kepatuhan kepada Tuhan merupakan asas utama berkenaan aspek nilai untuk melahirkan insan yang seimbang di segi JERIS selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Sehubungan dengan itu para pendidik perlulah mengutamakan konsep nilai tersebut dalam sesi P & P sebagai

usaha melahirkan pelajar-pelajar yang menghayati serta melaksanakan nilai-nilai baik dan terpuji dalam kehidupan. Kekuatan perhubungan antara manusia dan Tuhan merupakan kaedah yang tepat bagi mengawal kerakusan diri. Untuk meyakinkan diri pelajar tentang kewujudan dan kekuasaan Tuhan, pendidik seharusnya menerapkan kefahaman tersebut melalui mata pelajaran atau dipanggil kursus di IPT.

KONSEP PENDIDIKAN: PENERAPAN NILAI SPIRITUAL

Menurut Rohana (2010), pendidikan yang berkaitan dengan pembangunan spiritual atau kejiwaan bermaksud membangunkan jiwa kehambaan yang mengakui kewujudan Allah Yang Maha Mencipta dan pembangunan potensi fizikal pula bermaksud membangunkan manusia bagi membolehkannya menunaikan tanggungjawab sebagai Khalifah. Menurut beliau lagi, kedua-dua peranan manusia ini perlu dipimpin dengan sistem pendidikan yang boleh memandu manusia dalam proses kebebasan memilih dengan betul. Ciri spiritual berfungsi menghantar mesej yang sama iaitu satu rasa dan ilham ke arah mencintai kebenaran dan menolak kejahatan tanpa mengira bangsa dan agama. Ahmad Ibrahim (2006) dalam Rohana (2010) mendefinisikan ciri spiritual seperti berikut:

“A moral sense of right or wrong; a sense of responsibility felt for private or public actions, motives, etc.; the faculty or principle that leads to the approval of right thought or action and condemnation of wrong.”

Pernyataan di atas merupakan asas pembangunan spiritual yang meletakkan garis sempadan antara perkara yang betul dan yang salah. Menurut Hasan (1997) pula, akal manusia mempunyai substansi spiritual yang sumber dan prinsipnya adalah prinsip Ilahi bersumberkan Al Quran. Akal akan memikirkan setiap ciptaan Allah SWT dan mendorong manusia untuk mengagungkanNya, mentaatiNya demi mendapatkan ganjaran yang besar di sisiNya.

Konsep spiritual dalam proses pendidikan tidak dapat dinafikan kesan positifnya dalam kehidupan manusia. Titik tolak pendidikan spiritual adalah pembersihan hati agar ilmu yang baik dapat diterima dan diamalkan mengikut darjah keyakinan manusia terhadap Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah As-Syam, ayat 7-10 yang bermaksud:

“Dan jiwa serta penyempurna (ciptaanNya) maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaan, sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.”

MOTIVASI DALAM PENDIDIKAN SPIRITUAL

Menurut Baharom dan Ilyas (2009), motivasi menurut Islam adalah:

1. Meneguhkan ketahanan dalaman diri umat dalam berhadapan dengan cabaran hidup.
2. Manusia sentiasa mempunyai dorongan mahu menjadi orang berjaya dalam apa jua bidang
3. Panduan kepada manusia untuk bangkit dari kegagalan
4. Sentiasa mengingatkan Allah SWT sebagai Pencipta dan berniat kerana Allah SWT


Dorongan utama motivasi dalam bekerja adalah penekanan kepada konsep semua aktiviti adalah ke arah ibadah. Perlaksanaan ibadah yang konsisten pula akan membawa kepada cinta akan Allah SWT. Cinta ini adalah motivasi terbesar bagi individu untuk mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi. Ini kerana setiap pekerjaan atau aktiviti yang dilakukan tiada motif untuk mendapat pujian dan sanjungan manusia yang boleh membawa kepada faktor hasad dengki sesama manusia.

Konsep pekerjaan yang dilaksanakan hanyalah semata-mata kerana Allah adalah berpunca dari faktor pembersihan hati yang telah disebutkan sebelumnya. Hati yang bersih akan melahirkan respon yang positif terhadap semua aktiviti yang dilakukan- tidak akan mudah berputus asa atau bermalas-malasan dalam sesuatu pekerjaan. Seterusnya hasil usaha yang diperolehi oleh manusia melalui pekerjaan sebagai ibadah tadi dinilai sebagai penghasilan yang mulia oleh Allah SWT. Ini ditegaskan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Tidaklah seseorang di antara kamu makan suatu makanan lebih baik daripada memakan dari hasil keringatnya sendiri.

(Hadis Riwayat Baihaqi)

MODEL PEMBANGUNAN MANUSIA BERASASKAN NILAI SPIRITUAL




Rajah 1: Teori Hirarki Keperluan Abraham Maslow
(Sumber: Rohana, 2010)

Menurut Teori Maslow, peringkat tertinggi ialah peringkat aktualisasi diri iaitu seseorang merasakan telah mencapai potensi diri sepenuhnya; iaitu mempunyai personaliti yang sihat, memainkan peranan dengan lebih berkesan berdasarkan kemahuan diri dan bukan paksaan. (Rajah 1) Namun menurut Maslow hanya dua peratus manusia sahaja di dunia yang mencapai tingkat teratas; peringkat aktualisasi diri. (Rohana, 2010)


Konsep aktualisasi diri menurut sarjana Muslim bertentangan dengan maksud Maslow. Mereka mengatakan aktualisasi diri perlu dicapai terlebih dahulu untuk merasai kesempurnaan hanya milik Allah SWT iaitu kesedaran diri sebagai hamba yang sedar terhadap tujuan hidupnya serta apa yang ada pada dirinya adalah milik Allah SWT. (Rajah 2) Ini yang dinamakan pembangunan spiritual. Teori Maslow menggambarkan 98% adalah manusia yang rakus kerana hanya berusaha memenuhi keperluan diri iaitu bersikap ego.

Rajah 3 menunjukkan Model Rekabentuk Kurikulum Paradigma Pendidikan Bersepadu yang menekankan gabungan nilai spiritual dan pembentukan akhlak mulia. Manusia sebagai elemen sasaran pendidikan perlu dididik dengan kepatuhan kepada Tuhan, menggunakan ilmu untuk menyebarkan kebenaran, menghiasi diri dengan akhlak mulia agar boleh membentuk masyarakat yang bertamadun mengikut kehendak Allah SWT.

Rajah 4 pula menunjukkan Model Sinergi Pendidikan Bersepadu yang menekankan aspek agama sebagai teras pendidikan untuk melahirkan insan yang syamil dan kamil secara menyeluruh mencakupi kesempurnaan akhlak, perjuangan menegakkan kebenaran, menyumbang kepada masyarakat, berjuang menegakkan kebenaran, meningkatkan kualiti hidup dari segi kesihatan dan ilmu.




Rajah 2: Teori Hirarki Keperluan mengikut pemahaman sarjana Muslim- Teori Maslow yang diterbalikkan
(Sumber: Rohana, 2010)



Rajah 3 Kurikulum mengikut paradigma bersepadu termasuk unsur spiritual- kesepaduan ilmu agama (teras) dengan ilmu sains kemanusiaan dan sains tabii. (Sumber: Tajul Ariffin, Noraini, 2002)

1. Ke arah pembinaan kekuatan dalaman
2. Perlaksanaan pendidikan akhlak
3. Usaha membudayakan ilmu wahyu
4. Amalan tingkahlaku mengikut fitrah insan
5. Peningkatan dan pemantapan aqidah
6. Usaha pembangunan insan

Berdasarkan kepada tiga model pendidikan yang telah dibincangkan, didapati nilai-nilai spiritual diberi penekanan penting dalam mencapai hakikat sebenar pendidikan yang perlu diterapkan kepada pelajar. Didapati penekanan yang perlu diberikan adalah aplikasi kepatuhan kepada Tuhan, pembentukan akhlak mulia, tanggungjawab kepada alam dan masyarakat, membela kebenaran serta meningkatkan pelbagai kualiti hidup untuk membentuk insan yang cemerlang dunia dan akhirat.



Rajah 4 Model Sinergi Pendidikan Bersepadu

PENDEKATAN NILAI SPIRITUAL DALAM OBE

Pendekatan OBE dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran di IPT dilihat dapat memanfaatkan nilai spiritual denan berkesan terhdap pembangunan modal insan pelajar. Pendidik perlu mengenalpasti nilai spiritual yang mana sesuai diterapkan dalam setiap hasil pembelajaran yang telah digariskan dalam silibus kursus. Berikut adalah contoh dan panduan kepada para pendidik untuk menerapkan nilai spiritual dalam P & P.

Contoh: Kursus Pemasaran Perniagaan dalam Program Diploma Pengurusan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia

Hasil Pembelajaran Kursus (HP):

- HP1: Menghuraikan konsep dan teori pemasaran perniagaan dan persekitarannya
- HP2: Mengaplikasikan pengetahuan asas pemasaran perniagaan
- HP3: Menyelesaikan masalah di dalam pemasaran perniagaan (promosi, tempat)
- HP4: Menyampaikan ide dengan jelas secara lisan dan iklan
- HP4: Menyampaikan ide dengan jelas secara lisan dan persembahan

Dalam HP2: Boleh diterangkan semua kegiatan pemasaran dirancang dengan baik. Surah Al-Jumu'ah, ayat 10: *"Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu beruntung."*

HP3: Boleh diterangkan sembilan (9) akhlak untuk menyelesaikan masalah dalam pemasaran iaitu:

1. Memiliki peribadi spiritual (Takwa)
2. Bersimpati dengan pelanggan
3. Adil dalam berniaga
4. Melayani pelanggan dengan rendah hati
5. Tepati janji serta tidak curang
6. Dipercayai serta bersikap amanah
7. Tidak buruk-sangka terhadap pelanggan
8. Tidak suka mengeji
9. Tidak mengamalkan rasuah

Pengalaman etika dan akhlak dalam pemasaran perniagaan ini adalah ke arah mencipta nilai, tumbuhnya ekonomi dengan pesat kerana tiadanya amalan rasuah, monopoli perniagaan, menjaga hati pelanggan serta mengelakkan akhlak keji semasa berurusan.

HP4: Boleh diterangkan, dalam pengamalan Islam, pemasaran adalah disiplin strategi perniagaan yang mengarahkan proses penciptaan, penawaran dan perubahan nilai. Konsep kegiatan ini bertujuan untuk mengatur kegiatan kehidupan, etika perdagangan penjualan dan pemasaran. Untuk menyampaikan ide dengan jelas boleh dirujuk Surah Al-An'am, ayat 143: *"Beritahukanlah kepadaku (berdasarkan pengetahuan) jika kamu memang orang yang benar."*

Berkenaan menyampaikan ide dengan jelas juga, boleh dirujuk Surah Al-Baqarah, ayat 67-71 iaitu menjelaskan tentang sesuatu produk:

1. menjamin kualiti dari segi jenis bahan, mutu bahan, mutu pengolahan, mutu penyajian
2. menjelaskan manfaat produk
3. menjelaskan mengenai sasaran/pelanggan- yang baik, yang halal, tidak memudaratkan, bersih yang menjadikan manusia taat kepada Allah SWT dalam menuju bertakwa

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pendidikan yang berkesan adalah apabila pendidik mampu menerapkan unsur-unsur yang sesuai dengan fitrah manusia merentasi pelbagai bidang pengajian. Fitrah manusia adalah berhubung dengan Penciptanya dalam kehidupan seharian. Pendekatan spiritual yng disepadukan dengan pelbagai bidang ilmu menjadi satu agenda besar yang harus disokong serta didokongi oleh semua lapisan masyarakat amnya dan para pendidik serta pembuat polisi pendidikan khususnya. Ianya adalah prasyarat bagi mendidik manusia agar lahir umat terbaik (Khaira Ummah) berpangkat Khalifah di mukabumi ini seperti firman Allah dalam Surah Al-Anbiya', ayat 105 yang bermaksud:

"Bahawasanya bumi ini akan diwarisi oleh hambaKu yang baik-murni sifatnya."

Menurut Mokmin (2002), para pendokong ilmu harus menyedari dualisme dalam pendidikan harus diubah dengan kadar segera kerana penyakit ini akan menimbulkan pelbagai malapetaka seperti kebiadapan kepada Pencipta, krisis sosial seperti kata Syyed Hosein Nasr: